



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



DUN TERENGGANU TANPA PEMBANGKANG: SATU TINJAUAN ANALISIS MEDIA

TERENGGANU STATE ASSEMBLY WITHOUT OPPOSITION: A SURVEY OF MEDIA ANALYSIS

Ilyas Abdullah^{1*}, Ku Hasnan Ku Halim², Shamsulkhairi Md Salleh³, Mohd. Sohaimi Esa⁴,
Saifulazry Mokhtar^{5*}, Romzi Ationg⁶

¹ Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub, Malaysia

 ilyasabdullah@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0008-6095-0231>

² Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia

 hasnan@uthm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8364-5650>

³ Pejabat Canselori, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia

 shamsul@uthm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-6269-5931>

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

 msohaimi@ums.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-2314-1231>

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

 saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-9647-8660>

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

 mratiiong@ums.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-5084-8163>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.12.2025

Revised date: 23.12.2025

Accepted date: 16.03.2026

Published date: 31.03.2026

Abstrak:

Artikel ini membincangkan polemik berkaitan keberkesanan perbahasan DUN Terengganu tanpa pembangkang. Dapatan daripada kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa analisis daripada tajuk berita terpilih sepanjang tahun 2023. PRU 2022 dan PRN 2023 melakarkan sejarah baharu dalam politik Terengganu. PAS bukan sahaja berjaya

To cite this document:

Abdullah I., Ku Halim, K. H., Md Salleh, S., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Ationg, R. (2026). Dun Terengganu Tanpa Pembangkang: Satu Tinjauan Analisis Media. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 515-529.

memenangi semua lapan kerusi parlimen malahan turut berjaya menewaskan gabungan BN-PH dalam PRN 2023 dengan memperoleh 32 kerusi sekaligus menjadikan Terengganu sebagai satu-satunya negeri tanpa pembangkang. Berdasarkan keputusan PRN tersebut, pelbagai polemik timbul dan menjadi tajuk-tajuk berita berkaitan amalan demokrasi yang dikatakan terhenti di DUN Terengganu. Selain daripada polemik, dapatan kajian ini turut membincangkan cadangan dan penyelesaian yang dianalisis berdasarkan tajuk-tajuk berita terpilih. Berdasarkan analisis, praktis demokrasi di DUN Terengganu sebenarnya berlangsung seperti biasa. Dalam politik moden, pelbagai pendekatan boleh dilakukan sebagai mekanisme semak dan imbang kepada kerajaan. Selain daripada peranan backbencher, rakyat sendiri mampu memainkan peranan secara berkesan dan mengawal segala dasar, perancangan dan perkembangan projek yang dilakukan oleh Kerajaan Terengganu. Pindaan terhadap Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 1999 oleh Hadi Awang selaku Menteri Besar ketika itu membuktikan keterbukaan Kerajaan Terengganu menerima teguran dan pandangan alternatif daripada ADUN Lantikan. ADUN Lantikan boleh dilantik maksimum empat orang yang terdiri daripada wanita dan juga wakil bukan Islam. Justeru, Fasal yang termaktub dalam Undang-Undang Kerajaan Negeri Terengganu juga wajar diperluaskan kepada wakil pembangkang untuk dipilih sebagai ADUN Lantikan tanpa melalui proses pilihanraya. Hal ini bagi membolehkan wakil daripada parti pembangkang sekurang-kurangnya mampu terlibat dalam perbincangan di DUN.

DOI:10.35631/IJLGC.1143033

Kata Kunci:

Dewan Undangan Negeri, Pilihanraya Negeri (PRN), Pilihanraya Umum (PRU), Semak dan Imbang

Abstract:

This article discusses the polemic related to the effectiveness of the Terengganu State Assembly debate without opposition. The findings from this study were based on several analyses from selected news headlines throughout 2023. The 2022 General Election and the 2023 General Election have made a new history in Terengganu politics. PAS not only managed to win all eight parliamentary seats but also managed to defeat the BN-PH coalition in the 2023 election by winning 32 seats, thus making Terengganu the only state without an opposition. Based on the results of the election, various polemics arose and became news headlines related to the practice of democracy which is said to have stopped in the Terengganu State Assembly. Apart from polemics, the findings of this study also discuss proposals and solutions analysed based on selected news headlines. Based on the analysis, the practice of democracy in the Terengganu State Assembly goes on as usual. In modern politics, various approaches can be taken as a check and balance mechanism to the government. Apart from the role of the backbencher, the people themselves can play an effective role and control all policies, planning and project development carried out by the Terengganu Government. The amendment to the Terengganu State Government Body Law in 1999 by Hadi Awang as Chief Minister proved the Terengganu Government's openness to accept alternative views from the Appointed Assemblymen. Appointed Assemblymen can be appointed a maximum of four people consisting of women and non-Muslim representatives. Therefore, the clause enshrined in the Terengganu State Government Law should also be extended to

opposition representatives to be elected as Appointed Assemblymen without going through an election process. This is to enable representatives from opposition parties to at least be able to participate in debates in the state assembly.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcellence.com

Keyword:

Check and Balance, General Election, State Election, State Legislative Assembly

Pendahuluan

Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023, yang melibatkan negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang, dan Kedah, merupakan satu titik penting dalam arena politik negara. Ia tidak hanya memberi tumpuan kepada impak Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 yang diadakan pada tahun 2022, tetapi juga memberi gambaran tentang kedudukan politik parti-parti utama dalam Kerajaan Perpaduan, iaitu Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN). Selain itu, PRN ini juga menjadi medan untuk menilai perkembangan dan pola sokongan terhadap Perikatan Nasional (PN), terutamanya berkenaan keberkesanan strategi politik yang diterapkan oleh parti-parti politik di Sabah dan Sarawak (Joloning, Romzi, Saifulazry & Mohd Azri, 2025a; Joloning, Romzi, Saifulazry, Azizan & Jelani, 2025b).

Keputusan PRN 2023 mencatatkan satu fenomena menarik apabila kedua-dua gabungan politik besar, PH dan PN, kekal menguasai negeri-negeri yang dimenangi pada PRU ke-14. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan ketara dalam jumlah kerusi yang dimiliki oleh PH, khususnya di negeri-negeri seperti Pulau Pinang dan Selangor, di mana sokongan majoriti Melayu di kawasan luar bandar semakin berkurangan. Dalam PRN tersebut, PAS berjaya mencipta sejarah dengan meraih kemenangan luar biasa apabila berjaya memenangi kesemua 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan di Terengganu (Junaidi, et al., 2023). Kemenangan ini mencerminkan pengaruh PAS yang semakin berkembang, terutamanya di kalangan pengundi muda yang mencari alternatif parti politik yang bebas dari rasuah dan penyelewengan.

Faktor lain yang turut mempengaruhi keputusan ini adalah fenomena '*referendum*' yang dilalui oleh ahli UMNO terhadap parti mereka sendiri. UMNO, yang merupakan sekutu utama dalam Kerajaan Perpaduan bersama PH dan BN, dilihat semakin kehilangan sokongan dalam kalangan ahli parti dan pengundi. PAS, di pihak lain, berjaya menarik sokongan besar daripada pengundi muda, yang menyokong naratif "Bersih dan Stabil" (BEST) dan mesej politik berteraskan kepentingan Melayu-Islam, yang secara konsisten dipromosikan oleh pimpinan parti. Ini turut terbukti berkesan dalam membawa kemenangan PAS, khususnya di Terengganu, yang telah menjadi kubu kuat bagi parti tersebut.

Dari segi sejarah politik negeri Terengganu, kekuatan PAS dan UMNO pasca PRU ke-10 sering kali dilihat seimbang. Kedua-dua parti ini memperoleh undi popular yang hampir setara, terutamanya dalam PRU tahun 1999 hingga 2018. Keadaan ini menyebabkan Terengganu menjadi negeri yang sukar diramal dalam menentukan arah sokongan pengundi.

Bagaimanapun, dalam PRU 2022, pengundi di Terengganu dilihat beralih hampir sepenuhnya kepada PAS, yang berjaya meraih kesemua lapan kerusi Parlimen di negeri tersebut. Kejayaan PAS memperoleh 70 peratus undi popular dalam dua PRU berturut-turut menjadikan Terengganu sebagai satu-satunya negeri yang tidak mempunyai pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri (Faris Akmal et al., 2024).

Permasalahan Kajian

Keberkesanan rakyat mengawal tindak-tanduk kerajaan adalah faktor yang menentukan darjah atau tahap demokrasi dalam sistem politik. Kuasa semak dan imbang yang ada pada rakyat adalah bersifat bermusim iaitu melalui proses pilihanraya. Dengan wujudnya sistem perwakilan, maka sistem demokrasi ini dikenali sebagai sistem demokrasi tidak langsung. Ini bermaksud DUN atau Parlimen berperanan dalam menggubal dan meluluskan dasar yang melibatkan kepentingan rakyat. Proses ini dilakukan oleh wakil rakyat yang dipilih menerusi pilihanraya. Wakil rakyat bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat. Demokrasi inilah yang diamalkan oleh sebahagian besar negara demokrasi di dunia pada hari ini termasuk Malaysia (Ationg et al., 2020). Risiko yang terdapat pada sistem demokrasi secara tidak langsung ini ialah persoalan keupayaan majoriti rakyat untuk mengawal tindak-tanduk kerajaan yang memerintah supaya tidak menjejaskan kepentingan rakyat. Di Malaysia, wujudnya percantuman bukan pengasingan kuasa antara tiga cabang utama kerajaan khususnya badan legislatif dan eksekutif (Esa et al., 2011).

Namun begitu, dalam konteks politik Malaysia, aspek demokrasi dan pendemokrasian boleh diukur dan dilihat dengan menggunakan dua angkubah terpenting dalam sistem demokrasi iaitu persaingan dan perwakilan. Aspek persaingan memperlihatkan bagaimana ia bergerak dalam lingkungan sistem politik yang lebih formal yang ada kaitan langsung dengan agihan kuasa. Secara lebih spesifik boleh dirujuk kepada peranan parti politik. Dari aspek perwakilan pula, ia akan melebarkan pengaruh pendemokrasian dalam fabrik masyarakat sekaligus mendorong aspek persaingan yang lebih terbuka dan sihat (Mayudin, 2008; Esa, 2012).

Di Parlimen, selain peranan pembangkang di Dewan Rakyat, kewujudan Dewan Negara juga merupakan aspek penting dalam proses semak dan imbang segala rang undang-undang yang dibuat oleh ahli Dewan Rakyat (Esa, 2020). Namun, praktis tersebut tidak berlaku di peringkat negeri. DUN hanya mempunyai satu dewan sahaja (*unicameral*). Dalam hal ini, mekanisme semak dan imbang bergantung sepenuhnya kepada keberkesanan pembangkang di DUN. Namun begitu, keputusan PRN tahun 2023 di Terengganu menjadi polemik dan perdebatan berkait dengan peranan semak dan imbang di DUN. Hal ini berikutan kejayaan PAS berjaya menguasai kesemua 32 kawasan DUN. Sebelumnya, PAS tidak pernah kekal berkuasa di Terengganu melebihi satu penggal. PAS pernah berkuasa di Terengganu pada tahun 1959 namun berakhir pada tahun 1961 disebabkan oleh undi tidak percaya yang dibawa dalam DUN.

Dalam PRU tahun 1999, PAS sekali lagi berjaya membentuk kerajaan namun hanya kekal selama satu penggal sahaja sebelum berakhir pada tahun 2004. PRU tahun 2018 menyaksikan prestasi PAS semakin baik di Terengganu apabila berjaya menguasai 22 kerusi daripada 32 kerusi DUN di Terengganu. Sekali lagi sejarah tercipta apabila PAS berjaya mengekalkan kuasanya dalam dua penggal pilihanraya secara berturut-turut iaitu pada PRU tahun 2022 dan PRN tahun 2023 sekaligus meninggalkan DUN Terengganu tanpa kehadiran pembangkang. Berdasarkan keputusan tersebut, artikel ini cuba mengkaji analisis media terhadap polemik DUN Terengganu tanpa pembangkang dan penyelesaiannya.

Kajian Literatur

Fenomena Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu tanpa pembangkang selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 merupakan satu peristiwa luar biasa dalam amalan demokrasi berparlimen di Malaysia. Kemenangan menyeluruh Perikatan Nasional (PN), khususnya PAS, yang memenangi kesemua 32 kerusi DUN Terengganu telah menjadikan negeri tersebut sebagai satu-satunya negeri yang tidak mempunyai wakil pembangkang dalam badan legislatif negeri. Keadaan ini telah menarik perhatian meluas media arus perdana dan media alternatif yang membincangkan implikasinya terhadap prinsip demokrasi, tadbir urus, serta mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran negeri (Abdullah et al., 2025; Sinar Harian, 2023).

Sorotan literatur media menunjukkan bahawa ketiadaan pembangkang dalam sesebuah badan legislatif sering dikaitkan dengan kebimbangan terhadap kelemahan fungsi semak dan imbang, yang merupakan elemen teras dalam sistem demokrasi berfungsi. Laporan media seperti Sinar Harian dan The Sun menegaskan bahawa walaupun persidangan DUN Terengganu berjalan mengikut prosedur institusi yang ditetapkan, ketiadaan suara pembangkang telah mencetuskan perdebatan awam mengenai keberkesanan proses perbincangan, ketelusan dasar, dan pengawasan terhadap kerajaan negeri (Sinar Harian, 2023; The Sun, 2023). Naratif media ini mencerminkan kebimbangan dalam kalangan penganalisis politik bahawa dominasi satu parti secara mutlak berpotensi menghadkan kepelbagaian pandangan dalam proses pembuatan dasar.

Walaupun bagaimanapun, wacana media turut menampilkan perspektif alternatif daripada pihak kerajaan negeri dan kepimpinan PAS. Beberapa laporan menekankan pandangan bahawa fungsi semak dan imbang masih boleh dilaksanakan melalui peranan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kerajaan sendiri, penglibatan masyarakat sivil, serta kritikan rakyat melalui media dan platform digital (Kosmo Online, 2023; Utusan Malaysia, 2023). Presiden PAS, misalnya, menegaskan bahawa dalam kerangka politik Islam, nasihat dan teguran tidak semestinya datang daripada pembangkang rasmi, sebaliknya boleh disalurkan melalui pelbagai institusi sosial dan mekanisme musyawarah masyarakat (Malaysiakini, 2023). Naratif ini menunjukkan peranan media sebagai medan penting dalam membina justifikasi politik terhadap ketiadaan pembangkang.

Dari sudut akademik, kajian Abdullah et al. (2025) yang menggunakan analisis kandungan terhadap tajuk dan laporan berita mendapati bahawa liputan media mengenai DUN Terengganu tanpa pembangkang tertumpu kepada tiga tema utama, iaitu legitimasi demokrasi, keberkesanan tadbir urus, dan persepsi rakyat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun media menonjolkan kebimbangan terhadap implikasi ketiadaan pembangkang, terdapat juga kecenderungan untuk menormalisasikan situasi tersebut sebagai manifestasi mandat besar rakyat kepada PAS. Penemuan ini selari dengan kajian terdahulu yang menekankan kekuatan dominasi politik PAS di Terengganu sejak beberapa dekad lalu, sekali gus menyukarkan kelangsungan pembangkang secara konsisten di negeri tersebut (Awang Besar et al., (2023); Faris Akmal et al., (2024).

Selain itu, kajian Ationg et al. (2021; 2022) mengenai peranan media dan pembingkasaan politik dalam konteks demokrasi di Malaysia menegaskan bahawa media bukan sekadar bertindak sebagai penyampai maklumat, tetapi juga sebagai agen pembentukan makna dan tafsiran politik. Melalui proses pembingkasaan (framing), media berupaya membentuk persepsi awam sama ada sesuatu fenomena politik dilihat sebagai ancaman kepada prinsip demokrasi atau sebagai refleksi kehendak rakyat yang sah. Dalam konteks DUN Terengganu tanpa

pembangkang, pendekatan analisis media menjadi signifikan kerana ia membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana isu ini dibingkai sama ada sebagai kegagalan mekanisme semak dan imbang atau sebagai legitimasi sokongan politik yang kukuh terhadap satu parti dominan.

Selaras dengan pandangan McNair (2018) dan Strömbäck (2008), media memainkan peranan penting dalam menghubungkan struktur politik dengan kesedaran politik rakyat. Oleh itu, fenomena ketiadaan pembangkang dalam DUN Terengganu bukan sahaja perlu dinilai dari sudut institusi formal, tetapi juga melalui wacana media yang membentuk persepsi dan kefahaman awam terhadap konsep demokrasi dan tadbir urus. Secara keseluruhannya, kajian literatur ini menunjukkan bahawa fenomena DUN Terengganu tanpa pembangkang mempunyai implikasi politik dan demokrasi yang luas, serta menjustifikasikan keperluan kajian ini untuk meneliti secara sistematik bagaimana media membingkai isu tersebut dan kesannya terhadap persepsi awam mengenai semak dan imbang dalam konteks politik negeri Terengganu.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami fenomena yang dikaji dengan lebih mendalam, khususnya dalam konteks politik dan institusi demokrasi di Terengganu. Pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik menilai makna dan pengalaman subjektif yang tidak dapat dijelaskan melalui kaedah kuantitatif, dan lebih menumpukan kepada konteks serta interpretasi mendalam terhadap data yang diperoleh (Creswell & Poth, 2018). Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan untuk menggali pandangan, persepsi, dan maklumat yang diperoleh daripada sumber sekunder dan analisis media, yang memberi pandangan holistik tentang situasi politik yang berlaku di negeri Terengganu, khususnya mengenai ketiadaan pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas PRU ke-15 dan PRN 2023.

Kaedah perpustakaan dipilih sebagai kaedah utama pengumpulan data dalam kajian ini kerana ia menyediakan ruang yang luas untuk meneliti pelbagai sumber sekunder, termasuk buku, jurnal akademik, laporan rasmi, serta dokumen sejarah yang berkaitan dengan perkembangan politik di Terengganu. Kajian perpustakaan amat relevan dalam konteks ini kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan bahan-bahan yang telah diterbitkan sebelumnya, yang merangkumi analisis politik, perubahan sosial, dan institusi demokrasi yang relevan dengan kajian ini (Neuman, 2014). Sumber-sumber tersebut memberi perspektif yang luas mengenai sejarah politik Terengganu, serta memberi konteks bagi memahami dinamika dan perkembangan politik terkini di negeri tersebut. Kaedah ini adalah sesuai untuk kajian yang berfokus kepada analisis maklumat terdahulu, terutamanya apabila kajian melibatkan premis yang telah dikaji secara meluas dan bahan yang telah tersedia di perpustakaan atau arkib.

Dalam konteks ini, kajian perpustakaan digunakan secara intensif untuk mengumpul bahan-bahan yang komprehensif mengenai politik Terengganu, terutama yang berkaitan dengan perubahan undi, pengaruh parti politik, serta struktur kepimpinan negeri. Data yang diperoleh melalui kaedah ini akan memberikan sokongan kuat dalam proses interpretasi dan penyelidikan. Melalui kajian perpustakaan, penyelidik dapat memastikan ketepatan, kesahihan, dan kelengkapan maklumat yang diperoleh, yang penting untuk membangunkan analisis yang berstruktur dan berasaskan teori yang kukuh.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan analisis kandungan terhadap tajuk-tajuk berita terpilih sebagai data sokongan. Pendekatan analisis kandungan dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti tema-tema, wacana, polemik, serta cadangan penyelesaian yang diketengahkan dalam laporan media (Krippendorff, 2019). Analisis kandungan adalah kaedah yang sesuai untuk mengkaji bagaimana media menyampaikan naratif politik dan sosial, serta bagaimana ia membentuk persepsi masyarakat terhadap situasi politik tertentu, dalam hal ini, ketiadaan pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu selepas kemenangan PAS yang besar dalam PRN 2023.

Pemilihan tajuk berita dilakukan secara purposif, dengan menumpukan kepada laporan-laporan media yang secara langsung membincangkan implikasi politik, tadbir urus, dan persepsi masyarakat terhadap situasi ini. Laporan yang dipilih termasuk berita utama dari akhbar tempatan, portal berita, dan siaran berita dalam talian yang memberikan gambaran tentang reaksi parti-parti politik, pengundi, dan penganalisis politik terhadap tiadanya pembangkang di Terengganu. Kaedah pemilihan purposif memastikan bahawa hanya bahan yang relevan dan berkualiti tinggi digunakan dalam analisis, sekaligus meningkatkan ketepatan dan keberkesanan penilaian yang dilakukan.

Gabungan antara kaedah perpustakaan dan analisis kandungan ini memberikan satu kerangka metodologi yang kukuh untuk memahami bukan sahaja situasi politik semasa di Terengganu, tetapi juga perspektif media yang mempengaruhi pandangan umum terhadap ketiadaan pembangkang. Pendekatan ini membolehkan penyelidik untuk menghubungkan teori politik dengan realiti semasa, serta mengenal pasti bagaimana naratif media membentuk persepsi dan pemahaman masyarakat terhadap perubahan politik yang berlaku.

Dapatan Kajian

Polemik DUN Tanpa Pembangkang: Impak PRU 2022 dan PRN 2023 di Terengganu

Pilihan Raya Umum (PRU) 2022 dan Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 mencatatkan satu sejarah politik yang luar biasa di Terengganu dengan kemenangan besar oleh PAS, yang mengubah landskap politik negeri tersebut. Pada PRU 2022, PAS bersama gabungan BERSATU berjaya menyapu bersih semua lapan kerusi Parlimen yang dipertandingkan di negeri tersebut, selain turut meraih kemenangan besar di kesemua 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi (Zolkiply et al., 2023). Kejayaan ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan PAS sebagai parti dominan di Terengganu, tetapi turut menamatkan impian UMNO untuk kembali memerintah negeri itu bersama gabungan Pakatan Harapan (PH), yang sebelum ini berusaha untuk menembusi kedudukan PAS.

Kemenangan PAS yang luar biasa ini juga mencatatkan pencapaian yang lebih mengejutkan apabila parti tersebut berjaya menewaskan beberapa nama besar daripada UMNO, termasuk dua bekas Menteri Besar Terengganu, Ahmad Said dan Ahmad Razif, yang kalah di kawasan yang selama ini dianggap sebagai kubu kuat UMNO (Zolkiply et al., 2023). Kejayaan ini secara tidak langsung meranapkan tanggapan yang selama ini wujud di kalangan ahli UMNO dan sebahagian pengundi bahawa PAS hanya mampu bertahan sepenggal sahaja. Sebaliknya, kemenangan besar PAS menandakan bahawa parti ini telah berjaya memperkukuh sokongan dan kredibilitinya di kalangan pengundi, terutamanya pengundi Melayu di Terengganu, yang memberi isyarat bahawa PAS mampu mentadbir negeri dengan lebih stabil dan berpanjangan.

Implikasi Kemenangan PAS Terhadap Kedudukan Pembangkang

Keputusan PRN 2023 ini telah membuka satu episod baru dalam politik Terengganu, yang membawa kepada polemik mengenai ketiadaan pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri. Sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang mengalami situasi ini, ketiadaan pembangkang di DUN Terengganu menimbulkan pelbagai persoalan tentang bagaimana fungsi semak dan imbang dapat dijalankan dalam sistem pentadbiran negeri yang kini didominasi sepenuhnya oleh PAS. Dalam sistem demokrasi berparlimen, peranan pembangkang adalah penting untuk mengawal dan mengimbangi kuasa eksekutif yang berada di tangan kerajaan. Tanpa kehadiran pembangkang yang formal dalam dewan, terdapat kebimbangan tentang ketelusan dan keberkesanan sistem pentadbiran negeri dalam melaksanakan dasar dan keputusan yang akan memberi kesan langsung kepada rakyat (Yatim, 2023).

Polemik mengenai fungsi pembangkang di Terengganu ini mencetuskan cadangan dari pelbagai pihak agar kerajaan negeri mencari kaedah dan model terbaik untuk memastikan pentadbiran yang lebih telus dan efisien. Dalam hal ini, banyak pihak mengingatkan bahawa walaupun ketiadaan pembangkang mungkin mengukuhkan dominasi kerajaan, sistem semak dan imbang masih perlu dijaga melalui mekanisme lain, seperti penglibatan masyarakat sivil, media, dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang boleh berperanan dalam menilai dan memberi maklum balas terhadap dasar yang dijalankan oleh kerajaan negeri (Sahari, 2023).

Doktrin Pengasingan Kuasa dan Implikasi Demokrasi

Keputusan PRN 2023 juga menunjukkan bagaimana konsep pengasingan kuasa yang menjadi prinsip utama dalam demokrasi telah diuji dalam konteks politik Terengganu. Dalam amalan demokrasi, pembahagian kuasa di antara tiga cabang kerajaan eksekutif, legislatif, dan judisiari berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang untuk memastikan tiada satu pihak pun yang mempunyai kuasa mutlak. Walau bagaimanapun, dalam situasi DUN Terengganu pasca-PRN 2023, di mana kuasa legislatif sepenuhnya dikuasai oleh kerajaan yang didominasi oleh PAS, konsep ini menjadi kabur. Tanpa pembangkang di DUN, tidak ada pihak yang secara formal berperanan mengemukakan soalan kritikal atau mencabar keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri, sekali gus menimbulkan persoalan tentang keberkesanan sistem semak dan imbang dalam konteks ini (Yatim, 2023).

Meskipun begitu, sesetengah penganalisis politik berpendapat bahawa pemerintahan tanpa pembangkang boleh memberi peluang kepada kerajaan untuk melaksanakan dasar secara lebih efektif dan tanpa gangguan. Mereka menegaskan bahawa dalam keadaan sedemikian, kerajaan dapat bergerak lebih cepat dan menyelesaikan isu-isu pentadbiran tanpa perlu mengambil kira campur tangan daripada pihak pembangkang. Walau bagaimanapun, mereka juga menekankan bahawa walaupun situasi ini mungkin dilihat positif dari segi kelancaran pentadbiran, ia berisiko mencetuskan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat jika tidak ada pihak yang boleh menyuarakan bantahan atau memberi alternatif terhadap dasar-dasar kerajaan (Faris Akmal et al., 2024).

Peranan Media dalam Menilai Keberkesanan Pentadbiran

Dalam menghadapi situasi ini, media memainkan peranan yang sangat penting dalam memantau dan menilai keberkesanan pentadbiran PAS di Terengganu. Media bukan sahaja berfungsi sebagai saluran maklumat, tetapi juga sebagai agen semak dan imbang dalam

memastikan kerajaan tidak menyalahgunakan kuasa. Laporan media yang diterbitkan selepas PRN 2023 menunjukkan bahawa walaupun tiada pembangkang di DUN, media tetap memainkan peranan kritikal dalam melaporkan perkembangan politik dan sosial di negeri tersebut, termasuk isu-isu berkaitan dengan dasar kerajaan. Media juga menjadi platform penting bagi masyarakat untuk menyuarakan pendapat dan memberi maklum balas terhadap keputusan-keputusan kerajaan (Zolkiply et al., 2023).

Sebagai contoh, laporan yang diterbitkan oleh Sinar Harian dan Kosmo mengulas mengenai bagaimana masyarakat merasa lega dengan kestabilan politik yang ditawarkan oleh kerajaan yang tidak terganggu oleh pertikaian pembangkang. Namun, pada masa yang sama, laporan media juga mencatatkan kebimbangan sesetengah pihak yang melihat ketidakhadiran pembangkang sebagai ancaman kepada prinsip kebebasan bersuara dan sistem demokrasi yang lebih inklusif (Sahari, 2023). Secara keseluruhannya, polemik mengenai DUN Terengganu tanpa pembangkang membawa implikasi yang besar kepada amalan demokrasi dan sistem pemerintahan negeri. Kejayaan PAS dalam PRU 2022 dan PRN 2023 telah mencatatkan satu perubahan besar dalam politik Terengganu, namun ketiadaan pembangkang di DUN menimbulkan persoalan mengenai bagaimana semak dan imbang boleh dijalankan dalam situasi sedemikian. Oleh itu, walaupun tiada pembangkang rasmi, pihak kerajaan perlu mencari pendekatan baru dalam memastikan ketelusan, keberkesanan, dan keadilan dalam pengurusan negeri demi kepentingan rakyat.

Jadual 1: Polemik Daripada Tajuk Berita Terpilih

Tarikh Berita	Sumber Berita	Tajuk Berita
15 Ogos 2023	BERNAMA	Dewan Legislatif Tidak Boleh Dibiarkan Tanpa Pembangkang
16 Ogos 2023	BERNAMA	ADUN Terengganu Diminta Jangan Berat Sebelah, Berani Suarakan Pandangan
14 September 2023	Utusan Malaysia	DUN Tanpa Pembangkang Tidak Sihat
5 Oktober 2023	Berita Harian	Jangan Selesa Dengan DUN Tanpa Pembangkang

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Keadaan yang berlaku di DUN Terengganu terus menimbulkan polemik berkaitan siapa yang akan berperanan sebagai mekanisme sembang dan imbang bagi menegur kepincangan pentadbiran kerajaan negeri khususnya ketika DUN bersidang berikutan kesemua wakil rakyat di dalam DUN adalah dari blok parti yang sama dengan kepimpinan negeri. Ketiadaan pembangkang di DUN juga dikatakan sebagai sesuatu yang kurang sihat kerana tidak akan wujud proses semak dan imbang secara efektif. Kewujudan pembangkang sangat penting walaupun peranan semak dan imbang tersebut boleh dilakukan oleh *backbencher* (penyokong kerajaan) namun fungsinya tidak akan sama dengan pembangkang yang konstruktif. DUN Terengganu juga dianggap sebagai politik monopoli. Namun begitu, yang menentukan terjadinya politik monopoli ini ialah rakyat yang telah memberi mandat penuh kepada PAS dalam PRN 2023 yang lalu (Mohd Said, 2023).

Ketiadaan pembangkang di DUN juga dilihat tidak sihat untuk sistem demokrasi. Pembangkang sememangnya diperlukan bagi memastikan peranan semak dan imbang setiap kali sidang berlangsung (Abdullah, 2023). Keadaan yang berlaku di DUN Terengganu turut mendapat perhatian dan kebimbangan berkaitan keberkesanan perbahasan. Kesemua ADUN turut digesa untuk tidak menyebelahi pihak parti pemerintah sebaliknya perlu ikhlas dan jujur dalam menjalankan tanggungjawab. Meskipun kesemua ADUN daripada gabungan parti

politik yang sama, setiap ADUN juga disaran untuk berani menyuarakan pandangan demi kesejahteraan rakyat Terengganu.

Cadangan Terhadap Polemik DUN Tanpa Pembangkang: Peluang dan Cabaran dalam Mewujudkan Semak dan Imbang

Walaupun Kerajaan Terengganu berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan keberkesanan perbincangan dan semak dan imbang di Dewan Undangan Negeri (DUN) tanpa pembangkang, pihak kerajaan negeri telah mula menunjukkan komitmen untuk mencari penyelesaian yang praktikal bagi menangani isu ini. Salah satu cadangan yang diketengahkan adalah untuk membenarkan rakyat berperanan sebagai pengkritik, dengan memanfaatkan pelbagai saluran komunikasi moden, khususnya media sosial. Sebagai medium yang cepat dan luas jangkauannya, media sosial memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan, kritikan, dan cadangan terhadap dasar-dasar kerajaan, sekaligus berfungsi sebagai alat untuk mengekalkan mekanisme semak dan imbang walaupun tiada wakil pembangkang dalam DUN Terengganu (Adlan, 2023). Dalam era digital ini, rakyat lebih mudah menyampaikan pendapat mereka kepada kerajaan dan mengadakan perbincangan awam yang lebih meluas berbanding sebelum ini.

Sebagai tambahan, kerajaan negeri Terengganu juga disarankan untuk mengambil pendekatan yang lebih inklusif dalam menangani ketiadaan pembangkang dalam DUN. Ini termasuklah langkah untuk melantik ADUN Lantikan yang mewakili suara-suara kelompok tertentu yang tidak terwakili dalam DUN Terengganu. ADUN Lantikan ini boleh dipilih daripada kalangan masyarakat yang berpotensi memberi pandangan dan kritikan konstruktif terhadap dasar kerajaan, seperti wakil daripada kalangan wanita, golongan minoriti, atau ahli profesional yang boleh memberi perspektif yang berbeza dalam perbincangan (Zolkiply et al., 2023). Langkah ini tidak hanya bertujuan untuk memberi suara kepada kelompok yang tidak terwakili, tetapi juga untuk mewujudkan suasana yang lebih seimbang dalam membuat keputusan di peringkat negeri.

Selain itu, kerajaan juga boleh memperkukuh peranan backbenchers, iaitu ADUN kerajaan yang tidak menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Backbenchers seharusnya digalakkan untuk lebih aktif mengemukakan kritikan atau cadangan dalam persidangan DUN demi memperbaiki pentadbiran negeri (Adlan, 2023). Ini akan meningkatkan peranan mereka sebagai suara kedua bagi pihak rakyat yang lebih luas, terutama dalam mengimbangi keputusan yang dibuat oleh pihak eksekutif.

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) di Peringkat DUN

Satu lagi cadangan yang menarik adalah untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) di peringkat DUN. Cadangan ini bertujuan untuk menambah satu lagi lapisan semak dan imbang dalam sistem pentadbiran kerajaan negeri. Walaupun JPKP biasanya dilaksanakan di peringkat Parlimen, penginstitusian jawatankuasa serupa di peringkat DUN di semua negeri, termasuk Terengganu, dapat berfungsi sebagai platform penting untuk membolehkan organisasi masyarakat sivil, pakar, dan wakil-wakil rakyat memberi input dan kritikan terhadap dasar yang dijalankan oleh kerajaan. Jawatankuasa ini juga boleh menjadi ruang untuk memastikan ketelusan dalam proses perundangan dan pentadbiran negeri, sekaligus meningkatkan lagi keterlibatan awam dalam sistem demokrasi (IDEAS, 2023).

Penyertaan daripada masyarakat sivil dan pakar-pakar dari pelbagai bidang dalam jawatankuasa ini boleh meningkatkan kualiti perbincangan dan memastikan dasar kerajaan lebih bersifat inklusif dan menyeluruh. Ini adalah satu cara untuk mengatasi kekurangan kritikan dan pemerhatian yang seharusnya diberikan oleh pihak pembangkang di DUN, sekaligus mengekalkan keseimbangan antara kuasa kerajaan dan masyarakat yang diwakilinya. Tanpa pembangkang rasmi, JPKP ini mampu memainkan peranan penting dalam memastikan keputusan-keputusan yang diambil oleh kerajaan negeri terjaga kepentingannya terhadap rakyat (IDEAS, 2023).

Pelaksanaan Peruntukan Undang-Undang Terengganu dan Penglibatan Pembangkang

Bagi memastikan suara pembangkang terus didengar, satu langkah reformasi yang dicadangkan adalah memperluaskan peruntukan dalam Fasal 27(2) Undang-Undang Kerajaan Negeri Terengganu. Fasal ini yang diperkenalkan semasa pentadbiran PAS pada tahun 1999 membenarkan pelantikan ADUN Lantikan bagi mewakili kelompok yang tidak terwakili dalam DUN, seperti golongan wanita dan bukan Islam. Dalam konteks ketiadaan pembangkang, pelantikan ADUN Lantikan boleh diperluaskan untuk mewakili wakil pembangkang yang tidak ada dalam DUN setelah keputusan PRN 2023. Ini akan membolehkan pihak pembangkang, walaupun tidak dipilih secara langsung melalui pilihan raya, tetap mempunyai saluran untuk terlibat dalam perbincangan dan pengawasan terhadap dasar kerajaan negeri (Faris Akmal et al., 2024).

Dengan mengintegrasikan sistem pelantikan ADUN Lantikan ini, Terengganu dapat memberi ruang untuk perwakilan pembangkang, sekaligus memastikan bahawa tiada pihak yang terpinggir dalam proses pembuatan dasar dan perundangan. Pelantikan ini juga dapat berfungsi sebagai saluran penting bagi menambah diversiti dalam perbincangan yang berlaku di dalam DUN, menjadikan proses tersebut lebih inklusif dan berimbang.

Penubuhan Jawatankuasa Pemantau Bebas

Cadangan lain yang relevan adalah penubuhan Jawatankuasa Pemantau Bebas yang terdiri daripada pelbagai pihak, termasuk wakil-wakil parti pembangkang, pakar-pakar dalam pelbagai bidang, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Jawatankuasa ini dapat memainkan peranan penting dalam menilai pelaksanaan dasar kerajaan dan menyediakan laporan bebas tentang keberkesanan sesuatu dasar atau program kerajaan. Dalam hal ini, jawatankuasa pemantau ini akan meningkatkan akses rakyat kepada maklumat berkaitan keputusan dan pelaksanaan dasar, selain memberi mereka ruang untuk terlibat dalam proses pembuatan dasar secara tidak langsung (Hassan & Jalil, 2024). Walaupun tidak menggantikan peranan pembangkang rasmi dalam DUN, ia sekurang-kurangnya memberi platform bagi masyarakat dan golongan profesional untuk berinteraksi dengan kerajaan dan memberi input yang konstruktif. Cadangan daripada tajuk berita terpilih Adalah seperti jadual 2 berikut.

Jadual 2: Cadangan Daripada Tajuk Berita Terpilih

Tarikh Berita	Sumber Berita	Tajuk Berita
13 Ogos 2023	Utusan Malaysia	Kerajaan Terengganu Tetap Lancar Tanpa Pembangkang
13 Ogos 2023	Berita Harian	Terengganu Tiada Pembangkang, Rakyat Boleh Kritik Kerajaan
15 Ogos 2023	Kosmo	Kerajaan Terengganu Beradaptasi Suburkan Amalan Semak Imbang Tanpa Pembangkang
5 Oktober 2023	Sinar Harian	DUN Bersidang Tanpa Pembangkang Tetap Berjalan Dengan Baik

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Walaupun ketiadaan pembangkang dalam DUN Terengganu menimbulkan pelbagai persoalan mengenai keberkesanan semak dan imbang, terdapat pelbagai cadangan yang boleh dilaksanakan untuk memastikan prinsip tersebut tetap dijaga. Melalui penggunaan ADUN Lantikan, penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP), serta penubuhan Jawatankuasa Pemantau Bebas, kerajaan negeri Terengganu dapat memastikan pentadbiran yang lebih telus, berakuntabiliti, dan inklusif. Walaupun mekanisme ini mungkin tidak sekuat peranan pembangkang dalam DUN, mereka dapat berfungsi sebagai alternatif yang konstruktif untuk mengekalkan integriti dan prinsip demokrasi dalam sistem pemerintahan negeri. Keberkesanan cadangan ini bergantung kepada kesediaan pihak kerajaan untuk berinteraksi dengan semua pihak berkepentingan secara terbuka dan dengan nilai ketelusan yang tinggi.

Kesimpulan

Dalam sistem demokrasi yang subur, pembangkang yang kuat dan efektif sangat penting bagi tujuan semak dan imbang segala dasar dan tindak-tanduk yang dilakukan oleh kerajaan. Malah doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan oleh negara-negara Komanwel juga memperlihatkan dengan jelas wujud prinsip pengasingan kuasa melibatkan tiga cabang utama kerajaan iaitu legislatif, eksekutif dan judisiari. Bagi cabang legislative, parlimen terdiri daripada dua dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Selain peranan pembangkang di Dewan Rakyat itu sendiri, ahli Dewan Negara juga berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang bagi segala rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Namun begitu, praktis tersebut tiada di peringkat negeri. Keberkesanan pembangkang merupakan wadah terpenting bagi proses demokrasi yang subur di DUN. Walaupun begitu, ketiadaan pembangkang di DUN bukanlah bermaksud demokrasi itu sudah lumpuh. Hal ini kerana, dalam sistem politik moden, pelbagai kaedah boleh digunakan sebagai mekanisme semak dan imbang berbeza dengan sistem politik di zaman feudal. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu yang dipinda ketika pemerintahan PAS pada 1999 itu sendiri menitikberatkan kepada perlunya ada wakil bagi kelompok yang tiada wakil dalam DUN. Hal ini menunjukkan sikap keterbukaan Kerajaan Terengganu untuk menerima cadangan atau teguran daripada ADUN Lantikan. Justeru DUN tanpa pembangkang tidak wajar dijadikan polemik yang tiada penghujung. Ini kerana politik dominasi tersebut merupakan pilihan yang dilakukan oleh rakyat menerusi pilihanraya dan seharusnya dihormati.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pahang, Kampus Raub, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum dan Pejabat Canselori, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Ilyas Abdullah dan Ku Hasnan Ku Halim bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Shamsulkhairi Md Salleh dan Mohd. Sohaimi Esa mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Saifulazry Mokhtar dan Romzi Ationg menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Abdullah, A., Ku Halim, K. H., & Abdullah, N. (2025). Pembimbingan media terhadap Dewan Undangan Negeri tanpa pembangkang: Analisis kes Terengganu pasca PRN 2023. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 41(1), 1–18.
- Abdullah, I., Ku Halim, K. H., & Abdullah, S. (2025). DUN Terengganu tanpa pembangkang: Satu tinjauan analisis media. *Journal of Human Development and Communication*, 14, 1–15.
- Abdullah, Y. (2023). DUN Tanpa Pembangkang Tidak Sihat. *Utusan Malaysia*.
- Adlan, M. A. (2023). PRN: Tiada Pembangkang Di Terengganu. *Kosmo*.
- Ahmad Samsuri. (2023, October 4). Semak dan imbang DUN Terengganu sudah mencukupi (Kosmo Online).
- Ationg, R., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., & Othman, I. W. (2021). Media, pembimbingan politik dan pembentukan persepsi awam dalam demokrasi Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 27, 1–20.
- Ationg, R., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., & Othman, I. W. (2022). Demokrasi, pilihan raya dan peranan media di Malaysia: Analisis kritikal terhadap pembimbingan wacana politik. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 10(2), 45–62.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Awang Besar, J., Mohd Fuad, M. J., & Rosmadi, F. (2023). Pola sokongan politik dan geopolitik pilihan raya di Terengganu. *Jurnal Geografia*, 19(3), 88–103.
- Awang Besar, J., Othman, Z., Lyndon, N., & Abdul Halim, A. H. (2023). Pilihanraya Umum (PRU) Negeri Di Malaysia 2023: Satu Analisis Geografikal Dan Sosiologikal. *International Journal of Law, Government Communication (IJLGC)*, vol. 8 (34).
- Awang Besar, J., Zaini, N., Novel, S. H., & Abdul Halim, A. H. (2023). Kemenangan PAS dalam Pilihan Raya Negeri 2023: Analisis Kemenangan dan Faktor Sosial Politik. *Wacana Politik*, 27(1), 45–63.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Esa, M.S. (2012). *Malaysia dan Alam Sekeliling*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.
- Esa, M.S. (2020). *Biografi Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Esa, M.S., Sansalu, D. & Tamring, B.A. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Faris Akmal, M., Wan Rohila, G., & Che Hamdan, C. M. (2024). Dominasi politik PAS di Terengganu dan cabaran kelangsungan pembangkang. *Jurnal Wacana Politik*, 9(1), 67–84.
- Faris Akmal, M., Wan Rohila, W., & Che Hamdan, H. (2024). Keputusan Pilihan Raya dan Pola Sokongan Pengundi di Terengganu: Perubahan Sosial dan Politik. *Jurnal Politik Malaysia*, 39(2), 102–118.
- Faris Akmal, M., Wan Rohila, W., & Che Hamdan, H. (2024). Pola pengundian dan dominasi PAS di Terengganu pasca PRU ke-15. *Jurnal Politik Malaysia*, 39(2), 85–104.
- Faris Akmal, Wan Rohila Ganti & Che Hamdan. (2024). *Aktivisme Politik Berintensiti Tinggi: Kajian Kes PAS Terengganu Pada PRU15*. Asian People Journal, vol. 7 (2). Universiti Sultan Zainal Abidin: Penerbit UniSZA.
- Hassan, M. S., & Jalil, F. (2024). Pemantauan bebas terhadap dasar kerajaan: Peranan NGO dan pakar. *Jurnal Kebebasan dan Demokrasi*, 15(3), 55–70.

- Hassan, M. S. & Jalil, F. (2024). Perkembangan Dewan Undangan Negeri Terengganu. Pemantapan & Cabaran. Wisma Darul Iman, Terengganu.
- IDEAS, 2023. Lupakan Perpecahan Dan Kembali Tumpu Mentadbir Negara. Institute for Democracy and Economic Affairs.
- Joloning Joe Majambu, Romzi Ationg, Saifulazry Mokhtar, & Mohd Azri Ibrahim. (2025a). Naratif Politik Pembangunan Di Sabah, Malaysia: Antara Harapan Dan Realiti: Politics of Development Narrative in Sabah: Expectation and Reality. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 10(40).
- Joloning Majambu, Romzi Ationg, Saifulazry Mokhtar, Azizan Had, & Jelani Hamdan. 2025b. The Sino-Native Impacts on the Development of Identity Politics in Sabah, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(10), 1350-1398.
- Kosmo Online. (2023). Tiada pembangkang bukan bermakna tiada semak dan imbang.
- Krippendorff, K. (2019). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Malaysiakini. (2023). PAS pertahan DUN Terengganu tanpa pembangkang.
- Malaysiakini. (2023). Terengganu tiada pembangkang: Rakyat boleh kritik kerajaan, kata Hadi. August 13.
- Mayudin, G. (2008). *Politik Malaysia. Perspektif Teori Dan Praktik*. Bangi: Penerbit UKM.
- McNair, B. (2018). *An introduction to political communication* (6th ed.). London: Routledge.
- Mohd Said, S. (2023). Dewan Legislatif Tidak Boleh Dibiarkan Tanpa Pembangkang. *Bernama*.
- Neuman, W. L. (2014). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (7th ed.). Pearson Education.
- Sahari, Z. (2023). Ketiadaan pembangkang di DUN Terengganu: Satu analisis semak dan imbang dalam pentadbiran. *Wacana Politik*, 28(1), 33–47.
- Sinar Harian. (2023). DUN Terengganu bersidang tanpa pembangkang. October 1.
- Sinar Harian. (2023). DUN Terengganu tanpa pembangkang: Apa implikasinya?
- Strömbäck, J. (2008). Four phases of mediatization: An analysis of the mediatization of politics. *The International Journal of Press/Politics*, 13(3), 228–246.
- The Sun. (2023). Concerns over lack of opposition in Terengganu state assembly.
- The Sun. (2023, October). Terengganu assembly sits without opposition.
- Utusan Malaysia. (2023). Kerajaan Terengganu jamin semak dan imbang kekal berfungsi.
- Utusan Malaysia. (2023). Rakyat berperanan sebagai semak dan imbang kerajaan negeri.
- Yatim, H. (2023). Tiada Pembangkang: Sultan Terengganu Saran Cari Model Pentadbiran Terbaik. *Sinar Harian*.
- Zolkiply, Z. I, Harun, N, & Razak, F. A. (2023). Kemenangan PAS dalam PRU 2022 dan PRN 2023: Analisis Politik Terengganu. *Jurnal Perbincangan Sosial & Politik*, 18(2), 150-163.
- Zolkiply, Z. I, Harun, N, & Razak, F. A. (2023). Sejarah Tercipta Di Terengganu, Tiada Pembangkang Dalam Kerajaan Negeri. *Harian Metro*.